



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, 7 Mei 2025

Untuk Terbitan Media
7 Mei 2025

SIARAN MEDIA

LEBIH 10,000 PELUANG KERJAYA PREMIUM DAN EKSKLUSIF UNTUK DIISI

KUALA LUMPUR: Lebih 10,000 peluang kerjaya berprofil tinggi ditawarkan pada 10 hingga 11 Mei ini di dewan 4 dan 5 Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) sempena Karnival Premium MYFutureJobs 2025.

Kelainan Karnival Premium MYFutureJobs anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) versi premium ini adalah menerusi penyertaan syarikat terkemuka dan jawatan berprofil tinggi dalam pelbagai sektor seperti perbankan, kejuruteraan, teknologi maklumat, penjagaan kesihatan, dan perhotelan, dengan **lebih 70 peratus jawatan dalam kategori eksekutif**, menjadikannya platform strategik bagi graduan dan profesional yang ingin melonjakkan kerjaya mereka.

"Karnival yang berlangsung bermula 9.00 pagi hingga 5.00 petang ini menyaksikan pelbagai majikan terkemuka seperti PERKESO, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Negara Malaysia (BNM), CIMB, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), PwC, KPMG, Deloitte, Malaysia Aviation Group Berhad (MAG), Petron Malaysia serta Proton menawarkan peluang kerjaya dengan tawaran gaji mencecah hampir RM16,000.

"Karnival premium ini direka khusus untuk mempertemukan bakat-bakat berkualiti dengan majikan terbaik negara, dimana pencari kerja berpeluang mengikuti proses temu duga pada hari yang sama dan berpotensi menerima tawaran pekerjaan serta-merta," jelas PERKESO.

Antara aktiviti menarik yang akan diadakan sepanjang karnival berlangsung antaranya sesi *Pocket Talk* eksklusif oleh pakar industri iaitu Mohd Nizam Ahamad (PakTam), Sharifah Hani Yasmin, Muhamad Fairuz Zainal Abidin, Lora serta Ku Sim Ling (Aunty HR) dan semakan penilaian *resume* secara individu oleh pakar industri (Ku Sim Ling - Aunty HR).

Selain itu, 500 pengunjung terawal setiap hari yang menyertai aktiviti di MYFutureJobs *On The Go* dan memuat turun aplikasi MYFutureJobs di telefon pintar bakal menerima kupon eksklusif ZUS

Coffee dan turut berpeluang menerima tambah nilai Touch 'n Go bernilai RM20 serta menyertai cabutan bertuah dengan hadiah menarik untuk pengunjung dan pencari kerja.

Penganjuran Karnival Premium MYFutureJobs adalah bukti komitmen kerajaan dalam memperkuuh ekosistem pekerjaan negara yang inklusif, responsif dan berdaya tahan.

Pencari kerja dan graduan digalakkan mendaftar di www.myfuturejobs.gov.my/careerfair atau muat turun aplikasi MYFutureJobs di telefon pintar untuk menyertai karnival ini dan mengakses pelbagai peluang kerjaya yang ditawarkan.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

7 Mei 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah

+60193273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my